



SIARAN MEDIA

SIMPOSIUM BIOKESELAMATAN 2025 TINGKAT RANGKAIAN DAN KESEDARAN BIOKESELAMATAN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Biokeselamatan (JBK) buat julung kalinya menganjurkan Simposium Biokeselamatan bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 Malaysia bertemakan “Memperkasakan Biokeselamatan untuk Kelestarian Masa Hadapan”.

Simposium ini akan dirasmikan oleh Menteri Perlindungan dan Komoditi Memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani di Hotel DoubleTree by Hilton, i-City, Shah Alam, Selangor.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Dato’ Sri Huang Tiong Sii serta Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim.

Objektif utama simposium adalah untuk mempertingkatkan rangkaian biokeselamatan pihak berkepentingan, mempamerkan hasil kajian bioteknologi moden dan biokeselamatan serta meningkatkan kesedaran awam mengenai biokeselamatan.

Simposium ini bakal dihadiri 700 orang peserta daripada pelbagai agensi Kerajaan, pemain industri, akademik, penyelidik, Badan Bukan Kerajaan (NGO). Seramai enam kertas kerja akan dibentangkan daripada Malaysia, Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia dan United Kingdom. Turut diadakan panel perbincangan melibatkan tiga orang pakar daripada Organisasi Makanan dan Pertanian Dunia (FAO), Lembaga Minyak Kelapa Sawit (MPOB) dan CropLife International mengupas isu mengenai dasar, pengawalseliaan, teknologi

penyuntingan genom dan kesedaran awam berhubung pelepasan organisma diubah suai yang hidup (LMO) dan hasilnya. Selain itu, 10 reruai pameran turut dibuka untuk memberi peluang kepada orang awam mendapat maklumat lebih lanjut mengenai biokeselamatan.

Jabatan Biokeselamatan berharap penganjuran simposium ini bukan sahaja menyediakan platform rangkaian kerjasama dalam kalangan agensi Kerajaan, pemain industri, akademik, penyelidik dan Badan Bukan Kerajaan, malahan dapat meningkatkan kesedaran awam dalam kalangan rakyat sendiri ke arah melestarikan persekitaran yang selamat.

JABATAN BIOKESELAMATAN (JBK)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
19 OGOS 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel.: 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

